

24 JUL 1999

Mahathir-LID

LID AKAN BERI ARAH POSITIF, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan rentak bagi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) Ketiga yang bermula esok dengan meminta peserta-peserta mengimbas kembali krisis kewangan Asia.

Perdana Menteri berkata dalam perutusan di buku cenderamata LID `99, dengan berbuat demikian, peserta-peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin ekonomi baru muncul dan ketua-ketua industri akan dapat mengenal pasti "isu teras"nya.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa LID `99 yang akan berlangsung selama empat hari itu akan memberikan arah yang positif bagi membantu membentuk dasar pada peringkat serantau dan antarabangsa di masa akan datang mengenai cara-cara mempercepatkan pemulihan ekonomi dan mengelak krisis di masa akan datang.

Dr Mahathir berkata perbahasan selama tiga hari ini akan memberikan peluang yang amat berharga kepada peserta-peserta untuk mempertimbangkan krisis Asia dari banyak perspektif.

Pengalaman lalu menunjukkan siri dialog LID sememangnya merupakan forum yang amat baik untuk berkongsi pandangan dan pengalaman, katanya.

"LID '99 akan menyaksikan konsep Perkongsian Pintar bertukar menjadi paradigma kerja, dengan ketua-ketua negara dan kerajaan serta ketua industri membincangkan isu mengenai perkara-perkara ekonomi makro, dan memperkukuhkan sektor korporat, dan pentadbiran korporat, antara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah penting untuk memastikan struktur sosio-ekonomi masyarakat Malaysia tidak terganggu.

Dr Mahathir berkata LID tahun ini dengan tema, "Menguruskan Pemulihan Ekonomi bagi Kemakmuran Bersama - Pendekatan Perkongsian Pintar" bukan sahaja bersesuaian tetapi juga kena pada masanya.

Tajuk krisis ekonomi Asia telah menguasai ruang muka depan di seluruh dunia sejak September 1997, katanya.

"Dalam 24 bulan yang lalu, apabila krisis Asia meruncing dan negara-negara lain di dunia termasuk Afrika Selatan, Brazil dan Russia mula menunjukkan tanda-tanda kelembapan ekonomi, persoalan baru timbul," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, yang paling menarik ialah kononnya peranan salah urusan dalam negara dan lebihan kewangan negara-negara membangun berbanding ketidak stabilan sistemik antarabangsa yang sedia ada, dalam mencetus dan memburukkan lagi krisis kewangan Asia.

"Sistem pasaran modal antarabangsa telah menyaksikan perubahan radikal dalam tahun-tahun kebelakangan ini disebabkan oleh kemajuan dalam bidang teknologi maklumat yang belum pernah disaksikan sebelum ini.

"Hari ini kita mempunyai sistem kewangan global yang saling berhubungan dan saling bergantung dengan keupayaan menyampaikan maklumat dan menjalankan urusan niaga kewangan dengan kepantasan yang mengagumkan," tegas Dr Mahathir.

Walaupun ia memberi sumbangan besar kepada taraf kehidupan di seluruh dunia, tetapi ketiadaan kawalan selia ke atas persekitaran di mana ia beroperasi mewujudkan potensi yang besar untuk disalah guna, mengakibatkan derita yang tidak terhingga kepada manusia, katanya.

"Kesan jangkitan krisis ini telah menunjukkan bagaimana sistem kewangan

global, perdagangan dan maklumat hari ini menjadikan sempadan geografi tidak relevan," tambahnya.

-- BERNAMA

ES MA PR